

ULASAN BUKU

*Rumah Limas Rumah Pusaka oleh Harun Haji Salleh. Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. ISBN 983-62-8701-9*

NORDI ACHIE

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, 88400 Universiti Malaysia Sabah,
nordi@ums.edu.my

Jika dilihat dalam konteks pendokumentasian sejarah dan pensejarahan, memoir merupakan antara wadah penting yang mempunyai nilai kesejarahannya tersendiri, asli dan asal, daripada penulis yang merakam dan mengungkapkan memori silamnya. Terpateri bersamanya ialah pengalaman bersejarah penulis itu sendiri tentang pelbagai recah pengalamannya ketika mengharungi liku-liku kehidupan yang lalu. Kepada para peminat dan pengkaji sejarah Sabah, antara memoir mutakhir yang mempunyai nilai kesejarahan ialah *Rumah Limas Rumah Pusaka*. Memoir ini dikaryakan oleh sasterawan Sabah yang tersohor iaitu Harun Haji Salleh. Di manakah terzahirnya nilai kesejarahan yang pengulas maksudkan? Keseluruhan memoirnya. Justeru, kita terhutang budi dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Sabah lantaran mengusahakan penerbitan memoir tulisan Harun Haji Salleh, yang bukan sahaja penting dari aspek khazanah kebahasaan dan kesusasteraannya, bahkan dari aspek kesejarahannya juga.

Sumbangan Harun dalam kegiatan kesusasteraan dan kebahasaan di Sabah tidak dapat dinaikan lagi. Beliau telah merangkul beberapa anugerah berprestij di peringkat negeri dan kebangsaan. Harun menempa nama dan mengukir nostalgia bersejarah di Sabah. *Rumah Limas Rumah Pusaka* merupakan antara legasi terpenting yang dipusakakannya untuk tatapan bersama. Teknik pengolahan buku ini menyerupai novel. Gaya bahasanya mesra pembaca, dan ada kalanya puitis. Harun mengajar kita mengenali siapa diri kita dan rakan kita yang sebenarnya melalui bait-bait pengalamannya.

Memoir ini terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian I merakamkan rentetan pengalaman kehidupan Harun semenjak kelahirannya di Negeri Sembilan, alam kekeluargaan, adat dan kebudayaan Minangkabau (amat berguna kepada peminat-pengkajinya), persekitaran kampung-pekan dan era persekolahan yang melewati perit penderitaan zaman pendudukan Jepun. Sekiranya pihak DBP berupaya menerbitkan ratusan memoir tentang zaman pemerintahan Jepun, tidak mustahil kita dapat menulis atau menyusun ensiklopedia *sirah* yang lengkap dan menarik berkenaannya untuk tatapan generasi akan datang. Pengalaman bersejarah yang Harun pertontonkan semula

dalam Bahagian I dan Bahagian II, terutamanya sebelum Harun “tercampak” ke Borneo Utara – meminjam ungkapan Harun sendiri, mengandungi pelbagai mesej dan iktibar yang berguna kepada pembaca. Jika ditinjau semula rakaman memorinya setakat ini, aneh sekali: Harun tidak pernah menyentuh perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union - skim penjajahan yang menggemparkan seluruh zuriat Melayu dewasa itu. Sekalipun Harun mungkin tidak terlibat dalam gerakan penentangan, mustahil dia tidak mengetahuinya; hanya Harun yang dapat memberikan jawapannya.

Harun menyinsing fajar kehidupannya di Sabah pada 26 April 1956, ketika kapal tumpangannya berlabuh di Labuan, seperti yang diungkapkannya menerusi Bahagian II (Bab 7). Mulai bab ini sehinggalah bab terakhir (17), Bahagian IV, menyingkap semula memori bersejarah detik-detik kehidupan Harun, suka dan duka, ketika “tercampak” di rantau orang selama hampir setengah kurun. Terpateri bersamanya beberapa aspek yang menarik: panorama sosial, budaya dan ekonomi anak negeri, kerumitan prasarana di pedalaman serta kerenah rakan sekerjanya dalam perkhidmatan awam kolonial – angkara fitnah, dengki dan khianat.

Harun mempunyai ramai rakan dan kenalan yang berjawatan menteri, berpangkat tinggi dan berharta. Akan tetapi, Harun tidak tergamak untuk memperkudakan hubungan tersebut untuk kepentingan duniawinya, meskipun sesekali, Harun tergiur oleh godaan kemewahan dan kesenangan yang fana itu. *Rumah Limas Rumah Pusaka* tidak banyak menyentuh tentang rumah tangga dan kehidupan berkeluarganya. Tumpuan memoir ini ialah pengalaman pahit manis Harun sepanjang berkhidmat di Sabah dan terlebih penting lagi, jejak perjuangannya dalam kegiatan kesusasteraan dan kebahasaan yang telah abadi dalam jiwanya semenjak zaman kedewasaannya di Seri Menanti, Negeri Sembilan.

Meskipun masa kecilnya Harun pengecut dan penikus, lewat memoirnya ini menampilkan perwatakannya yang pemberani pula. Harun telah mendedahkan kepada pembaca tentang pengalamannya bersama rakan dan kenalan yang hipokrit, materialistik dan hedonistik. Tujuan Harun bukanlah untuk mengaibkan mereka tetapi sebagai sempadan kehidupan. Lantaran itulah, Harun sengaja tidak menyebut nama golongan tersebut.

Dalam kegiatan kesusasteraan dan kebahasaan, Harun pernah beberapa kali tertewas dan terkecewa. Harun terus bangkit. Ada kalanya, kejayaan Harun memenangi beberapa pertandingan di peringkat negeri, semacam disabotaj oleh pihak tertentu. Harun berhak kecewa. Dalam tempoh 1970-an hingga 1990-an, Harun merupakan novelis prolific dengan menghasilkan 15 novel, pencapaian tertinggi dalam jihad penanya serta pencapaian terbaik dalam kegiatan penovelan di Sabah setakat ini. Pendakian kejayaan tersebut diprakarsakan dengan semangat keberdikarian dan kemandiriannya. Harun merupakan contoh anak perantau kebanggaan Melayu-Minang yang menggapai puncak kejayaan di perantauan setelah berupaya meloloskan dirinya daripada cengkaman cabaran kehidupan yang penuh ranjau berduri.

Harun, sebagai penggiat-penobat sastera dan bahasa yang cekal dan tekal - seangkatan dengan (antaranya) K. Bali, Ismail Abbas dan Shuhaibun Yussuf, sejak awal-awal lagi tidak percaya golongan politikus berupaya mengikhlaskan diri mereka dalam mengedepankan gagasan perjuangan tersebut. Harun menyaksikan sendiri bagaimana persatuan bahasa dan sastera yang turut diasaskannya, Badan Bahasa Sabah (BAHASA), telah diperalatkan oleh rakan-rakannya untuk kepentingan politik dan materialistik masing-masing. Sikap jelek sedemikianlah yang melumpuhkan BAHASA. Mereka merupakan pejuang palsu! Mungkin, inilah bisikan garisah hakikinya. Harun berpegang kepada prinsip bahawa sepatutnyalah BAHASA dipimpin oleh pemimpin yang benar-benar mendarahdagingi perjuangan memartabatkan sastera dan bahasa kebangsaan. Natiujahnya, BAHASA gagal menentukan hala tuju dan perjuangan sejatinya.

Harun mengaku dirinya insan pendiam. Lantaran itulah, pengulas percaya masih banyak lagi khazanah memori bersejarah yang tidak dikongsi bersama dengan pembaca. Hanya Harun yang mengetahui puncaknya. Hanya sekelumit sahaja yang dipaparkannya untuk tatapan bersama. Betapa tidak, Harun telah menghabiskan hampir setengah abad usianya di Sabah, namun memoirnya tidak pula mencecah 500 halaman. Sebahagian pengalamannya itu mungkin telah diserapkannya menerusi novel dan cerpen. Berkenaan pengalaman politik, pembaca tentu tidak puas menatapnya, walhal Harun melihat dan mengalami sendiri proses dan konflik politik tempatan (antara yang paling kontroversi di Malaysia) sehinggalah ke akhir hayatnya.

Sungguhpun demikian, kepada pengamat dan pengkaji politik Sabah, sebahagian memori politik Harun yang didedahkannya dalam “Orang Malaya” – “karya terkiniku yang banyak menyentuh isu-isu sensitif” yang terhasil berdasarkan “imbasan-imbasan realiti yang pernah ku dengar dan ku alami sendiri setelah bergaul dengan pelbagai etnik di Sabah ini selama hampir-hampir 50 tahun”, ujarnya. Justeru, keberadaan karyanya ini amat dinanti-nantikan penerbitannya kelak. Apakah permasalahan mendasar yang Harun teringin perhadapkan kepada sidang pembaca lewat karya terkininya itu – “Orang Malaya”? Jawapan Harun jelas lagi tegas: untuk menjawab persoalan mengapa secara tiba-tiba sahaja selepas pembentukan Malaysia, munculnya sentimen anti “Orang Malaya”, padahal pada zaman kolonial, tidak timbul sentimen sontoloyo seumpamanya. Kepada pengamat dan pengkaji sejarah politik tempatan, tidak syak lagi “Orang Malaya” akan menjadi sumber berwibawa yang tinggi nilai kesejarahannya kelak.